



## Sekilas info JPA

### Fakta 15

**BAGI** mencapai visinya, misi Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut :

1. Untuk meningkatkan Program Pembangunan Keupayaan yang komprehensif dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam.
2. Untuk mengembangkannya dan menyebarkan penggunaan Teknologi dan Inovasi dalam pemberian perkhidmatan.
3. Untuk menambah baik dan meningkatkan Proses Kerja dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan dalam organisasi.
4. Untuk menyebarkan dan memastikan Urus Tadbir Awam yang baik.

### Fakta 16

Peranan dan tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah menguruskan perancangan, pengurusan dan perkembangan sumber manusia di dalam Perkhidmatan Awam.

Perancangan : Merancang sumber manusia ke arah memastikan sumbangan berkualiti yang berterusan kepada semua peringkat pelanggan (warga Perkhidmatan Awam, perusahaan dan orang ramai) dan ekonomi negara. Melaksana dan mereview dasar-dasar yang komprehensif berkaitan dengan sumber manusia melalui perancangan dan penyelidikan yang berstruktur dan sistematik.

Pengurusan : Mengurus sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam, termasuk pengambilan, penempatan, kenaikan pangkat, latihan dan perkembangan, ganjaran dan penghargaan juga kemudahan-kemudahan dengan cekap dan berkesan. Meningkatkan dan memantapkan pengurusan sumber manusia dengan memperkenalkan sistem sumber manusia.

Pembangunan : Menyediakan sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam yang berkualiti tinggi, iaitu berilmu, bermotivasi, komited dan penuh daya inovasi.

### Fakta 17

Ke arah memajukan sumber manusia Perkhidmatan Awam, JPA bekerjasama rapat dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (JPP).

SPA : SPA adalah badan bebas yang membekalkan tenaga kerja Perkhidmatan Awam yang cekap, berkualiti, berpengetahuan, berkecekapan dan berkesan, mengikut keperluan negara dengan cara yang cekap, berkesan dan pertimbangan yang saksama.

IPA : Memberi khidmat konsultasi dan pembangunan sumber manusia bagi Perkhidmatan Awam juga pelanggan tempatan dan antarabangsa selaras dengan rancangan kemajuan negara.

JPP : Memberi khidmat konsultasi pengurusan yang berkualiti tinggi kepada pihak berkepentingan bagi mencapai kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang organisasi masing-masing.

### Fakta 18

Pelan Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi tahun 2021 - 2025 telah dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 20 Januari 2021, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud. Untuk maklumat lanjut mengenai Pelan Strategik tersebut, sila layari Laman Sesawang JPA : <http://www.jpa.gov.bn>

### Fakta 19

Terdapat lima nilai-nilai murni utama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), di mana merangkumi : Keprihatinan, Integriti, Progresif, Takwa dan Adaptif (singkatannya CIPTA).

Ikuti maklumat mengenai JPA dan aktiviti-aktiviti sempena Hari Ulang Tahun JPA Ke-50, iaitu Jubli Emas JPA.  
#JPA50 #50FactsFor50Years

# PELUANG MENDALAMI HAL EHWAL PERTANIAN MODEN

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**GADONG**, Sabtu, 19 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan

kerjasama Fakulti Pertanian akan menawarkan Kursus Agritalk, Program Bersiri bagi Pengusaha Pertanian (Smart Farming Approach To Maximize Soil,

Soilless Media, and Crop Productivity) kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, belia-belia juga orang ramai yang berminat. Adapun tujuan kursus ini diadakan adalah memberi bimbingan kepada petani-petani muda, lama dan pihak yang berkenaan mengenai hal ehwal pertanian moden, memberi bimbingan ilmu-ilmu praktikal dalam pertanian moden dan meningkatkan kemahiran pertanian kepada para peserta.

Untuk maklumat orang ramai, Kursus Agritalk, Program Bersiri bagi Pengusaha Pertanian (Smart Farming Approach To Maximize Soil, Soilless Media and Crop Productivity) ini akan diadakan selama sehari, iaitu pada Sabtu, 24 Julai 2021, bermula jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Yuran pendaftaran bagi Kursus Agritalk, Program Bersiri bagi Pengusaha Pertanian (Smart Farming Approach To Maximize Soil, Soilless Media and Crop Productivity) ini adalah BND50 bagi orang ramai dan BND25 bagi warga UNISSA, Alumni UNISSA juga pelajar IPT.

Pendaftaran bolehlah dibuat melalui [link, http://bit.ly/PENDAFTARAN\\_AGRITALK2021](http://bit.ly/PENDAFTARAN_AGRITALK2021).

Tarikh tutup pendaftaran bagi kursus ini pada Isnin, 12 Julai 2021.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +673 2462000 sambungan 204 atau 202 atau melayari laman sesawang [www.unissa.edu.bn](http://www.unissa.edu.bn) atau menghantar e-mel ke [C4L@unissa.edu.bn](mailto:C4L@unissa.edu.bn).




**KUMPULAN BERISIKO TINGGI YANG DIGALAKKAN UNTUK DI VAKSINASI**  
HIGH-RISK GROUPS RECOMMENDED FOR VACCINATION

tekanan darah tinggi (high blood pressure)  
penyakit buah pinggang kronik (chronic kidney disease)  
penyakit jantung (heart disease)  
penyakit paru-paru (contohnya asma) (lung disease (e.g. asthma))  
pesakit kanser yang stabil (stable cancer patients)  
strok/angin ahmar (stroke)  
kencing manis (diabetes)  
kolesterol tinggi (high cholesterol)  
obesiti BMI > 40 (obesity BMI > 40)

Sebarang pertanyaan, sila dapatkan nasihat daripada Doktor/Jururawat yang bertugas atau hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148  
For any enquiries, please seek advice from a Doctor/Nurse on duty or call Health Advice Line 148

[www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) | [f](https://www.facebook.com/moh.gov.bn) | [i](https://www.instagram.com/moh.gov.bn) | [y](https://www.youtube.com/moh.gov.bn) | 148